



APABILA CINTA BERBICARA

SUMBER: <http://safruddin.wordpress.com/>

Suatu ketika, seorang wanita kelihatan amat sedih. Wajahnya murung. Air mukanya letih menahan tangis. Beliau baru saja kehilangan anak tercintanya untuk selama-lamanya. Atas nasihat orang di desa, beliau menemui seorang tua bijak di pinggir hutan.

Sesampainya di rumah pendeta itu, beliau bertanya, “Guru, adakah Tuan memiliki ramuan ajaib untuk menghidupkan semula anak saya itu?”

Sang Guru tidak berusaha untuk berbalah atau menghalau wanita itu kerana permintaannya yang tidak masuk akal. Beliau cuma berkata, “Carilah bunga merah dari rumah yang tidak mengenal “kesedihan”. Setelah kamu bertemu bunga itu, kita akan bersama-sama membuat ramuan ajaib untuk menghidupkan kembali puteramu.”

Selesai mendengar perkara itu, wanita tersebut segera berangkat mencari kemahuan sang guru.

Dalam perjalanan, dia nampak bingung. Tak ada satu petunjuk pun tentang rumah itu. Hinggalah, dia tiba di depan sebuah rumah mewah.

“Mungkin, penghuni rumah itu tak pernah mengenal kesedihan,” ucap wanita itu dalam hati.

Setelah mengetuk pintu, dia berkata, “Saya mencari rumah yang tidak pernah mengalami kesedihan. Inikah tempatnya ?” Wajah sang wanita masih memperlihatkan raut bersedih.

Pemilik rumah itu menjawab, “Kamu datang ke rumah yang salah.” Pemilik rumah itu pun bercerita tentang tragedi yang dialami keluarganya. Beliau bukan hanya kehilangan seorang anak, tapi juga suami dan kedua-dua orangtuanya kerana kemalangan. Si wanita berasa amat kecewa. Namun, beliau menjadi terharu dengan cerita tuan rumah. beliau berfikir, “Siapa yang boleh membantu orang yang nasibnya lebih malang daripada saya ini?”

Beliau memutuskan untuk tinggal di sana dan menghiburkan pemilik rumah itu. Beberapa hari lamanya, dia bersama wanita pemilik rumah itu, saling membantu untuk menjalani hidup.

Beberapa minggu berlalu, wanita itu pun berasa si tuan rumah sudah kelihatan lebih baik. Lalu, beliau berangkat lagi mencari rumah berikutnya. Tetapi, ke mana pun beliau pergi, selalu bertemu kesedihan orang lain. Akhirnya, beliau berasa bertanggungjawab untuk menghiburkan semua orang yang dikunjunginya. Hingga akhirnya, beliau pun melupakan tujuan asalnya.